

Headline	Hoki Remaja SSTMI, UniKL Young Guns pilihan ke final		
MediaTitle	Kosmo		
Date	27 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	59	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	250 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	MYR 2,174
Frequency	Daily	PR Value	MYR 6,521



## Hoki Remaja: SSTMI, UniKL Young Guns pilihan ke final

ATAS kertas, penyandang juara berganda, pasukan Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI-Thunderbolt) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL Young Guns) dijangka tidak menghadapi masalah besar untuk menjinakkan lawan masing-masing dalam perlawanan separuh akhir pertama Piala Milo 2013 hari ini, lapor **NOR AZIRAN YUNUS**.

SSTMI-Thunderbolt akan menanti kunjungan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI-Anderson) di Stadium Hoki Taman Daya, Johor Bahru manakala UniKL Young Guns bakal berentap dengan SSTMI Juniors di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil dan kesemua perlawanan akan bermula pukul 5 petang.

Pemangku Presiden Kelab Hoki UniKL, Amir Azhar Ibrahim berkata, pada mulanya mereka menjangkakan akan bertemu Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dalam peringkat separuh akhir, sekali gus ingin melunaskan 'hutang lama' apabila tewas 0-1 dalam aksi liga baru-baru ini.

"Bagaimanapun, sebaliknya yang berlaku, kejutan yang dilakukan oleh SSTMI Juniors pada suku akhir ini tidak boleh diambil mudah. Aksi mereka jauh berbeza berbanding ketika kami me-

ngalahkan mereka 6-2 dalam perlawanan liga Januari lalu.

"Saya telah menasihatkan pemain-pemain saya bahawa jangan terlalu yakin ketika menentang mereka nanti kerana SSTMI Juniors kini bakal tampil lebih garang," kata Amir Azhar.

Sementara itu, jurulatih SSTMI-Thunderbolt, Wan Roslan Wan Rahman berkata, beliau tetap optimis yang pasukannya tidak menghadapi masalah besar untuk 'menjinakkan' pasukan MBI-Anderson dalam separuh akhir itu nanti.

"Saya tidak risau walaupun kami tewas 2-3 kepada mereka dalam aksi liga lalu. Kami sudah bersedia untuk aksi separuh akhir ini dan kekalahan lalu adalah disebabkan masalah keletihan serta krisis kecederaan pemain.

"Untuk perlawanan esok (hari ini) kami akan menurunkan barisan terbaik dan kami sudah bebas daripada sebarang penggantungan pemain serta kecederaan," kata Wan Roslan lagi.

**SKUAD UniKL (jersi biru) menjadi pasukan pilihan untuk melangkah ke final Piala Milo 2013.**

